

Edisi
Ramadhan



MAHAD TAHFIZ AD-DAIE WAL DINIAH (MADANI)
LOT 172 KAMPUNG AYER HITAM, 36030 TELUK INTAN
MUKIM CHANGKAT JONG, HILIR PERAK



BULETIN TARBAWI

**"Memartabatkan Al-Quran, Menjunjung Sirah
Rasulullah SAW"**

Ma'had Tahfiz Ad-Daie Wal Diniah (MADANI) adalah satu pusat pembangunan kepimpinan masa hadapan yang memfokuskan kepada penguasaan Al-Quran dan Sirah berteraskan aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah.



<https://www.facebook.com/MadaniTelukIntan>



<https://www.tahfizmadani.com/>

Bil 3/2024



Segmen Utama

Bersama Mudir

Ramadhan &
Pembentukan
Peribadi
Muttaqin

Sentuhan Al Quran

3 Qul Sebagai
Asas
Pembinaan
Diri [Siri 03]

Mutiara Sirah

Nabi Mendidik
ummah
bersumberkan
wahyu

Tarbiyatul Awlad

7 Tips
menghidupkan
Ramadhan
Bersama
Keluarga



**EDISI
RAMADHAN**





Tak Kenal maka Tak Cinta

Sejarah MADANI

Pada Tanggal 13 Disember 2013 melalui Surat akaun rasmi & akad mulut rasmi berlakunya proses waqaf Di Pejabat Majlis Agama Islam Perak Cawangan Teluk Intan Perak Di hadapan Ustaz Saiful Ketua pegawai Majlis Agama Islam cawangan Teluk Intan & disaksikan oleh Ustaz Abdul Latiff Ismail, Tuan Haji Rahman Yahya



iaitu suami pewaqaf(Cikgu Noraini Jaafar), Arwah Ustaz Amran pengerusi Koperasi Ihsan Negeri Perak Berhad, Ustaz Ibrahim Dari Koperasi Ihsan Negeri Perak. Pada 21 Jun 2014 telah diadakan satu Majlis pecah tanah dengan satu Majlis Makan tengahari Amal dengan pelaksanaan 27 buah khemah Yang dihadiri ribuan ahli masyarakat bagi memberi suntikan semangat bagi



memulakan kutipan Dana untuk membina bangunan utama Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniah ini

Majlis ini telah disiarkan di dalam satu ruangan surat khabar utama & juga dirakam di dalam channel youtube.

Pada Bulan September 2014 telah dimulakan pembinaan MADANI. Alhamdulillah akhirnya dapat disiapkan penghujung tahun 2017 dengan Kos 2 juta ringgit.

<https://www.youtube.com/watch?v=gNiBJ8plvys>

Jemputan Istimewa

Tuan Puan dijemput ke Forum Nuzul Al Qur'an. Bagi yang berdekatan boleh hadir secara fizikal di tahfiz kami atau boleh saksikan secara LIVE di FB kami <https://www.facebook.com/MadaniTelukIntan>

Lampiran 1: Aturcara Program

FORUM NUZUL QURAN	
Masa	Perkara
8.30-9.00 am	Ketibaan tetamu
9.00 am	Ucapan Aluan Pengerusi Majlis
9.05 am	Bacaan Al-Quran
9.15 am	Sesi Forum Nuzul Quran: "Pembinaan Keluarga & Masyarakat beracuankan Al-Quran"
10.30 am	Sesi Soal Jawab bersama Ahli Panel
10.45 am	Serahan Semula kepada Pengerusi Majlis
10.50 am	Persembahan Pelajar
11.15 am	Slot Penghargaan Panel
11.25 am	Penutupan Majlis
11.30 am	Sesi Bergambar & Bersurai
IFTAR JAMAIE BERSAMA KAKITANGAN & PELAJAR	
Masa	Perkara
3.00 pm	Gotong-Royong masak berbuka bersama
6.30 pm	Slot Khas bersama Mudir Madani
7.30 pm	Berbuka Puasa bersama
8.00 pm	Solat Maghrib, Isyak & Terawih berjemaah
10.00 pm	Bersurai

Forum Nuzul Al-Quran



MODERATOR :
En. Ahmad
Al-Wafi



AHLI PANEL 1 :
Cikgu
Azmi Bahari



AHLI PANEL 2 :
Ustaz
Ahmad Rijalluddin

Pembinaan KELUARGA & MASYARAKAT beracuankan AL-QURAN

BERTEMPAT : MAHAD TAHFIZ AD DAIE WAL DINIAH
LOT 172, KG AYER HITAM JLN BIDOR, TELUK INTAN PERAK



17 RAMADHAN 1445H/28 MAC 2024 | 08.30 - 11.30 PAGI (KHAMIS)

Saksikan LIVE di **LIVE** **TAHFIZ MADANI TELUK INTAN**




Bersama Mudir
MADANI

RAMADHAN & PEMBENTUKAN PERIBADI MUTTAQIN

وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ

Berbekallah, dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah taqwa dan bertaqwalah kepada-Ku hai orang-orang yang berakal. [Al Baqarah 197]





يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

183. Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu **agar kamu bertaqwa** (Al Baqarah; 183)

Tujuan Utama Berpuasa Adalah Taqwa



NILAI TAQWA
DALAM
KEHIDUPAN
DUNIA & AKHIRAT

Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman di dalam surah al-Anfal;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تَتَّقُوا اللَّهَ يَجْعَلْ لَكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ وَاللَّهُ ذُو
الْفَضْلِ الْعَظِيمِ

“Hai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia akan memberikan kepadamu ‘furqan’ dan menghapuskan segala kesalahan-kesalahan kamu dan mengampuni dosa-dosamu. Dan Allah mempunyai kurniaan yang besar.” (al-Anfal:29)

Dan dalam surah al-Hadid;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَآمِنُوا بِرَسُولِهِ يُؤْتِكُمْ كِفْلَيْنِ مِنْ رَحْمَتِهِ وَيَجْعَلْ لَكُمْ نُورًا
تَمْشُونَ بِهِ وَيَغْفِرْ لَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

“Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan berimanlah kepada Rasul-Nya, nescaya Allah memberikan dua bagian daripada rahmat-Nya kepadamu, dan menjadikan untukmu cahaya yang dengan cahaya itu kamu dapat berjalan dan Dia mengampuni kamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” (al-Hadid:28)



Di dalam surah At-Talaq;

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ
اللَّهَ بَالِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

“Barangsiapa bertaqwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangka.”

(At-Talaq:2-3)

Bahkan surah At-Talaq juga sebahagian ayat 4 & 5;

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا
وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُعْظِمْ لَهُ أَجْرًا

“Dan barang -siapa yang bertaqwa kepada Allah, niscaya Allah menjadikan baginya kemudahan dalam urusannya.”

“dan barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah, niscaya Dia akan menghapus kesalahan-kesalahannya dan akan melipat gandakan pahala baginya.”





KUNCI PEMBINAAN PERIBADI

ALPINE SKI HOUSE

BEKAL UTAMA DALAM KEHIDUPAN

وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ

Berbekallah, dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah taqwa dan bertaqwalah kepada-Ku hai orang-orang yang berakal. [Al Baqarah:97]

Al-Quranul Karim dengan pandangannya yang menyeluruh tentang alam kehidupan dan manusia telah memberi gambaran yang jelas kepada kita tentang **kaedah praktikal dalam mempersiapkan rohani manusia**, membentuk keimanan dan mentarbiyah (mendidik) jiwanya.

Antara perkara yang perlu dibina di dalam jiwa mukmin ialah **rasa ketaqwaan kepada Allah SWT**. Taqwa merupakan **sumber segala kebaikan** dalam keluarga & masyarakat, sebagai satu-satunya cara untuk mencegah kerosakan, kejahatan dan perbuatan dosa.



Sayyid Qutb Rahimahumullah menyatakan:

- *Itulah hakikat kebenaran, taqwa kepada Allah SWT menumbuhkan furqan di dalam hati.*
- *Furqan yang akan menyingkap jalan kehidupan. Namun hakikat ini – **sebagaimana hakikat-hakikat aqidah yang lainnya – hanya dapat difahami oleh mereka yang benar-benar sudah merasakannya.** Bagaimanapun indahnya kata-kata yang digunakan untuk melukiskan hakikat ini, tidak akan dapat memberikan gambaran yang sebenarnya kepada yang belum merasakannya.”*



- Marilah kita renungkan ayat-ayat berkaitan taqwa. Apakah yang dapat kita simpulkan?
- Kita berkesimpulan bahawa taqwa kepada Allah SWT adalah modal kekayaan inspirasi, sumber cahaya dan karunia yang melimpah...
- Dengan taqwa kepada Allah SWT, seorang Mukmin akan dapat membezakan yang mana haq dan yang mana batil. Allah Taala memberikan karunia kepada orang yang bertaqwa berupa cahaya yang akan menerangi kehidupannya.



Benarlah seperti yang dikatakan Sayyid Qutb Rahimahumullah

- Inilah bekal tersebut (taqwa) dan persiapan untuk perjalanan... **bekalan taqwa yang sentiasa menggugah hati dan membuatkan hati selalu peka, waspada, berhati-hati serta selalu di dalam konsentrasi yang penuh...** bekal cahaya yang menerangi liku-liku perjalanan sepanjang mata memandang.
- Orang bertaqwa tidak akan tertipu oleh bayangan yang menghalangi pandangannya yang jelas dan benar... itulah bekal penghapus segala kesalahan, bekal yang menjanjikan kedamaian dan ketenteraman, bekal yang membawa harapan atas kurnia Allah SWT; di saat bekal-bekalan lain sudah sirna dan semua amal tidak lagi berguna...
- Cukuplah kiranya, keutamaan dan pengaruh taqwa sebagai sumber segala kebaikan dalam masyarakat; sebagai satu-satunya cara untuk mencegah kerosakan, kejahatan dan perbuatan dosa... bahkan taqwa merupakan asas utama dalam pembinaan jiwa dan akhlak seseorang dalam rangka berhadapan dengan fenomena kehidupan; yang mana dengannya ia dapat membezakan mana yang baik dan mana yang buruk; serta bersabar di atas segala ujian dan cubaan. Itulah hakikat taqwa.



KUNCI TAQWA ADALAH PUASA

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ
الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ
قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

183. Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa (Al Baqarah; 183)





Lot 172, Kg Ayer Hitam, Jalan Changkat Jong
36030 Teluk Intan Perak

WAQAF VAN

MAAHAD TAHFIZ AD DAIE WAL DINIAH



10,000 lot / RM5 = RM50,000

KEMPEN WAQAF RM5 UNTUK DANA VAN MADANI

Cikgu Azmi Bahari : 019 - 474 4343 | En Al Wafi : 013 - 978 2475 | Admin Madani : 013 - 795 1281

Tahfiz Madani Teluk Intan <https://www.tahfizmadani.com/>

SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN MELALUI AKAUN
MAAHAD TAHFIZ AD DAIE WAL DINIAH

558060511484 **Maybank**

Peluang waqaf van Tahfiz MADANI di bulan RAMADHAN.

Untuk bayaran van masih berbaki lebih kurang RM10K tambah RM3K (RM 13K) untuk baiki kerosakan akibat ribut baru-baru ni.

Bagi yang ingin berwaqaf boleh "Tak perlu banyak... RM5 pun OK dah". Van ini digunakan sepenuhnya sebagai pengangkutan utama ke masjid dan aktiviti-aktiviti luar.

Anda boleh sumbangkan RM 5 atau kongsiikan seluas mungkin.
Anda boleh menyumbang waqaf van ini di sini

<https://toyyibpay.com/Dana-Madani>

Atau

558060511484 [Maybank]

atas nama Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniah

Semoga Infaq Tuan Puan semua menjadi Saksi di hadapan Allah Kelak

Facebook Tahfiz <https://www.facebook.com/MadaniTelukIntan>

Website Tahfiz <https://www.tahfizmadani.com/Wasap>

Pentadbiran [Wasap. my/60137951281/WaqafVan](https://Wasap.my/60137951281/WaqafVan)

SENTUHAN AL QURAN

3 Qul Sebagai Asas Pembinaan Diri

Siri 03

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

(yaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka manjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenteram. (Ar Ra'du: 28)



Perisai Dalam: An Nas





بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ١

مَلِكِ النَّاسِ ٢

إِلَهِ النَّاسِ ٣

مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ٤

الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ٥

مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ٦

- Surah ini merupakan surah Makkiyyah dan mengandung enam ayat.
- Surah ini adalah salah satu dari dua surah yang dikenali Muawwizatain (dua yang melindungi)
- Nama An-Nas diambil daripada An-Nas yang berulang kali disebut dalam surah ini yang bererti manusia.
- Pokok kepada surah ini ialah Allah Subhanahuwata'ala memerintahkan agar manusia berlindung kepada-Nya daripada segala kejahatan yang datang ke **dalam jiwa manusia**, samada ia datang daripada jin mahupun manusia.





22 قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ . مَلِكِ النَّاسِ . إِلَهِ النَّاسِ

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia, "Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia,

- Dalam surah ini Allah mengajar kita untuk meminta pertolongan kepada-Nya. Di sini Allah memperkenalkan diri Nya sebagai **“Rabb An Nas”** (Rabb manusia)
- Dalam surah Al Ikhlas kita diajar bahawa Allah adalah ilah (tuhan yang diibadati). Dalam surah An Nas & Al Falaq, Allah memperkenalkan diriNya sebagai Rabb.
- Rabb: Allah yang memelihara, mengasuh, mengarah, menjaga, melindungi.
- Allah memperkenalkan diriNya sebagai Ilah... supaya hati kita benar-benar tertuju kepadaNya. KepadaNya kita tujukan segala doa & pengharapan. Pada Nya kita mengadu & mengharap



- Perkataan قُلْ juga adalah **arahan** daripada Allah supaya kita *menzahirkan* permintaan kita kepada Allah.
- Janganlah bersifat ego sehinggakan tidak mahu meminta kepada Allah secara zahir.
- Dengan mengatakan perkataan ini dan membaca keseluruhan ayat, menunjukkan yang **kita perlu merendah diri serta mengharap kepada Allah**. Kita meletakkan diri kita dalam perlindungan Allah. Kita sebut dengan terang (قُلْ), tanpa menyembunyikan lagi keperluan diri kita.
- **Allah adalah Rabb pada segala makhluk**, namun di sini Allah mengkhususkan kepada Rabbun Nas (Rabb manusia), Maalikin Nas (Raja manusia) supaya manusia benar-benar merasa begitu hampir kepadaNya ketika manusia memerlukan perlindungan.
- Kita diajar untuk hanya mengharapkan perlindungan kepadaNya dari pada sebesar-besar ancaman sehinggalah kepada sekecil kuman atau yang lebih halus lagi... iaitu bisikan syaithan yang **begitu halus**

24 مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ

Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam

Dari segi bahasa, الْوَسْوَاسِ bukan bermaksud 'pembisik' biasa sahaja, tapi ianya dalam bentuk isim mubalaghah (bersangatan) – kuat sangat membisikkan dan tidak berhenti. Kerana kalau pembisik sahaja, perkataan muwaswis boleh digunakan.

- وَسْوَاسِ digunakan apabila yang dibisikkan itu adalah perkara yang buruk sahaja.
- Apabila digunakan dua kali perkataan 'was' jadi 'was-was', bermaksud ianya sesuatu yang berterusan dan berulang-ulang.



الَّذِي يُوسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ

Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam dada manusia.

- Syaithan bisikkan was-was dalam [صُدُور] dada manusia. Iaitu satu tempat yang kita tidak nampak walaupun ianya ada pada diri kita. Jadi kita tidak tahu apa yang terjadi di dalam dada kita. Ini lebih bahaya sebab kita tidak nampak dan tidak tahu apa yang berlaku di dalamnya.
- Bisikan Syaithan begitu halus. Sekurang-kurangnya 7 belitan iblis atau syaithan menurut pandangan sebahagian ulamak:
 1. Bisikan pada kekufuran & syirik
 2. Bisikan pada melakukan bid'ah
 3. Bisikan pada dosa-dosa besar
 4. Bisikan pada dosa-dosa kecil
 5. Bisikan pada perkara yang subhah
 6. Bisikan untuk melakukan perkara harus secara berlebihan
 7. Bisikan pada ibadah yang kurang utama



مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ

“(Iaitu pembisik dan penghasut) daripada kalangan jin dan manusia”.

- Ini bermakna, syaitan itu ada dua jenis. Yang tidak nampak dan nampak. Ada syaitan dalam bentuk manusia.
- Ayat ini juga adalah dalil bahawa syaitan juga ada daripada kalangan manusia. Manusia juga ada bisikan kepada kita untuk lakukan keburukan. Ramai manusia yang mengajak kepada keburukan.
- Oleh itu jelaslah kepada kita, bisikan-bisikan pada dosa & kejahatan datang dari kalangan manusia atau jin (terutamanya jin yang menjadi tentera Iblis)





Mutiara sirah NABI MENDIDIK UMMAH BERSUMBERKAN WAHYU

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”. (Ali Imran:31)

Dari Kegelapan Kepada Cahaya

- Ramadhan adalah bulan turunnya al Qur'an yang dengan ini telah mengubah warna dan lanskap sejarah manusia dan peradabannya.
- Masyarakat arab jahiliah tidak ada 'nilai' pada pandangan dua kerajaan besar pada masa itu iaitu Rom & Parsi. Mereka saling menjajah namun tidak ayang tertarik dengan jazirah yang tandus ini.
- Sehingga Allah mengutuskan Rasul-Nya dan menurunkan Al Qur'an. Dengan ini umat yang hampir dilupakan oleh tamadun lain yang ada pada masa itu bangkit meluaskan 'empayar iman & kebenaran' keseluruh jagat raya sehingga dunia mengenal erti kebahagiaan dan keamanan serta kemerdekaan yang hakiki

Apakah rahsia kebangkitan luarbiasa ini? Ianya tidak lagi berulang dalam sejarah manusia. Iaitu kebangkitan dari tahap yang paling rendah ke puncak kejayaan insani yang tidak tertanding



Menyelami Didikan Rabbani

Untuk memahami kandungan & metode tarbiyah Rasulullah SAW, terlebih dahulu mari kita renung sekali imbas ayat Allah SWT di bawah ini. *Mustahil untuk kita mengetahui ketinggian kualiti yang telah dicapai Rasulullah SAW dalam mendidik umat, sekiranya kita tidak mengenali aras kualiti manusia yang menjadi objek tarbiyah Rasulullah pada masa itu:*

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ، وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

Terjemahan: Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin (buta huruf), seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak) dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. [Surah al-Jumu'ah: 62: 2]



Dari Kegelapan Kejahilan Kepada Cahaya Iman

Ayat tadi dimulai dengan dhamir atau ganti nama "Dia" atau Hua. Penggunaan kata ganti nama seperti ini menunjukkan bahawa umat manusia pada ketika itu belum lagi mengenali Allah SWT. Manusia di masa itu masih bodoh, jahil dan ketinggalan sehingga Allah SWT belum "terjelma" di dalam hati mereka

Selain itu, ayat ini juga menunjukkan betapa jauhnya manusia pada saat itu dari Allah SWT. Hal ini dapat kita lihat dari penggunaan kata ganti nama ketiga atau dhamir al-Ghayb ketika menyebutkan umat manusia. Di dalam ayat ini dinyatakan bahawa manusia dalam keadaan "ummiyyin" bermakna "buta huruf." Kata ini menunjukkan bahawa mereka sama sekali tidak mengenal Kitab dan ilmu pengetahuan serta mereka juga tidak mengenali Allah dan RasulNya

Kepada umat "buta huruf" yang seumpama ini, yang degil & tidak ada harapan apa kebaikan pun dari mereka ini Allah SWT utuskan kepada seorang lelaki berhati cekal, berjiwa murni, dan berlapang dada.

Nah! lelaki ini (Nabi SAW) berupaya mendidik mereka agar berubah dari umat yang terbelakang menjadi orang-orang yang mampu memimpin seluruh umat manusia.



Di Dasar Kegelapan

Ketika Allah SWT menekankan erti pentingnya "pena," "buku," & "upaya membaca," umat yang akan dididik pada ketika itu jauh dari semua ini. Kemudian Allah SWT pun mengutuskan seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri.

"dari kalangan mereka sendiri" di sini ialah Rasul yang diutuskan Allah itu, juga seorang yang buta huruf yang tidak mampu membaca dan menulis. Tapi hal itu tidak bererti bahawa dia juga jahil seperti mereka. Namun Rasul itu harus seorang buta huruf, ini disebabkan Allah SWT sendirilah yang akan menjadi Murabbi-nya, Rasul yang dipilih dari kalangan mereka itu, kemudian akan diutuskan kepada umat yang buta huruf itu sebagai guru dan murabbi mereka.

"membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka," ialah bahawa Rasul nanti akan membacakan ayat-ayat Allah yang sangat jelas itu, ayat demi ayat sambil menjelaskan kepada mereka tentang kandungan ayat-ayat tersebut sehingga mereka dapat diangkat ke mertabat kemanusiaan yang sempurna, walaupun sebelumnya mereka berada dalam keadaan "benar- benar dalam kesesatan yang nyata" iaitu keadaan mereka sebagai umat yang bodoh dan sesat sebelum datangnya Rasulullah.

Kepada umat yang bodoh dan sesat itulah Allah SWT mengutuskan seorang yang "membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka (يَتْلُوا عَلَيْهِمْ ءَايَاتِهِ) menyucikan mereka dan mengajarkan kepada mereka Kitab dan Hikmah" iaitu seorang nabi yang ummi atau buta huruf.



“Mengajarkan Kitab kepada mereka” dalam ayat ini ialah mengajarkan al-Qur'an. Sebagaimana al-Qur'an yang terbukti pada suatu ketika mampu memelihara satu jamaah malah satu Ummah bukti dan mengangkatnya ke satu aras kemanusiaan yang murni, sudah pasti al-Qur'an yang ini juga mampu memproses generasi-generasi yang mendatang. Adapun idea-idea baru, yang dianggap sebagai buah fikiran baru dan menarik, akan berakhir satu demi satu seperti sebatang lilin yang cahayanya akan hilang bila hembusan angin memadam apinya.

Setelah semua jalan hidup rekaan manusia musnah, maka pada saat itulah al-Qur'an yang menjadi satu-satunya sumber cahaya yang tertinggal akan berkata kepada seluruh umat manusia "Aku adalah matahari yang tidak pernah terbenam." Pada saat itulah panji-panji al-Qur'an akan menjadi satu-satunya bendera yang kekal berkibar untuk dijadikan panduan bagi umat manusia



Bukti-bukti yang menunjukkan kebenaran pernyataan di atas telah mula kelihatan... Sebagai contohnya, di negara Rusia dan China. Jika anda mendengar perkembangan Islam yang meningkat di kedua-dua wilayah ini dalam satu dekad terakhir ini, saya yakin anda tidak akan mempercayainya dengan apa yang berlaku sekarang berbanding dengan sepuluh tahun yang lalu, mungkin anda mengiranya ia sebagai satu khayalan. Tapi sekarang cuba anda lihat bagaimana nasib pemerintahan-pemerintahan diktator zalim yang menakutkan, kini tumbang satu demi satu.

Sekarang lihatlah kepada mukjizat al-Qur'an, kini kembali menyinari alam buana, laksana bara api dibawah sekam, kembali menyala di bawah abu. Lihatlah kebangkitan ajaran tauhid di seluruh penjuru dunia. Walau seberat mana pun penindasan dan penjajahan ke atas agama Islam, namun jalan kebenaran ini tetap akan bangkit hingga berjaya menawan hati setiap manusia.


Di Bawah Teduhan Al Qur'an

Dengan makna lain yang terkandung di dalam ayat ini ialah, bahawa Rasulullah serta keberkatan dan kelebihan al-Qur'an yang diajarkan oleh Allah SWT kepadanya, telah berjaya mendidik manusia dan membawa mereka ke kemuncak kemuliaan, sesuai dengan martabat mereka sebagai manusia; atau membimbing mereka ke jalan yang boleh menyampaikan mereka ke martabat Insan kamil.

Sebagaimana Rasulullah mendaki alam tertinggi dalam perjalanan Mikraj maka Baginda harus membawa umat Islam secara spiritual untuk melalui perjalanan "Mikraj" di dalam jiwa mereka masing-masing, walaupun ketika itu umat Islam dalam keadaan sedang tenggelam dalam kesesatan dan menyimpang dari jalan kebenaran. Bukankah jika Allah SWT menghendaki, Dia mampu mengubah seongkah arang menjadi permata dan mengubah debu menjadi emas.

Itulah yang benar-benar terjadi pada sebahagian umat Islam yang memiliki hati sehitam arang tapi kemudian berubah menjadi permata. Sebabnya itulah keluarga keturunan Rasulullah masih terus kelihatan bersinar hingga ke hari ini. Semua ini adalah anugerah Allah SWT melalui kelebihan dan fadhilat Rasulullah. Jadi, dapat kita katakan bahawa Rasulullah adalah manusia tertinggi yang dapat mengangkat umat manusia ke mercu ketinggian yang paling sesuai dengan martabat manusia.





Mana-mana manusia yang berjaya bertaqarub kepada Allah SWT dengan ketaqwaan dan kewaliannya yang sempurna, pasti akan mendapati panji-panji Muhammad berkibar di sana dan sesiapa saja yang mengatur langkahnya ke tingkatan ubudiah yang tinggi pasti akan tersua dengan kesan-kesan jejak langkah Baginda.

Tarbiyah yang dilakukan Rasulullah tidak hanya menumpukan pada usaha penyucian jiwa (tazkiyah an-nafs). Tapi yang sebenarnya, Rasulullah telah membawa satu sistem yang syumul dalam tarbiyah, mencakupi semua aspek dalam diri manusia: akal, roh, dan hati. Dalam usaha mendidik umat, pertama dengan bimbingan Allah Rasulullah berinteraksi dan berbicara dengan akal. Rasulullah sangat menggalakkan penggunaan minda, hingga mencapai batas tertinggi yang mampu dicapai oleh akal yang pada hakikatnya hanya mampu mencapai tingkatan kewahyuan (al-Bu'd al-wahyi). Setelah itu Rasulullah berbicara dan berinteraksi dengan roh untuk mengangkatnya ke martabat tertinggi yang lebih tinggi dari semua pencapaian yang dapat dicapai oleh seorang pendidik. Rasulullah bertanggungjawab membawa hati ke alam yang diidam-idamkan dan dirindunya.

Setelah itu Rasulullah berbicara dengan hati. Baginda mengajak hati dan latifah qalbu untuk mendatangi alam-alam di mana khayalan pun tidak dapat memenuhi cita rasa hati.

Setelah berjaya membimbing roh, akal, dan hati para muridnya ke mercu ketinggian, barulah Rasulullah membuka jalan ke arah penerokaan dan pengembangan ilmu pengetahuan, ekonomi, sosial, tatanegara, sistem ketenteraan dan politik. Risalah yang dibawanya mampu mendidik dan membentuk para sahabat hingga berjaya membentuk peribadi-peribadi berkeahlian atau berkepakaran dalam bidang pemerintahan, ekonomi, politik, dan tokoh dalam strategi ketenteraan.



Risalah Tarbiah Sempurna

Ya! Rasulullah memang diutuskan bersamanya sebuah risalah yang sempurna yang di dalamnya terkandung pedoman ekonomi, tata negara, pengajaran, dan pendidikan. Bahkan di dalam risalah itu juga terkandung semua aturan hukum dan undang-undang terbaik yang dapat dilaksanakan di dalam kehidupan bernegara.

Ringkasnya, Rasulullah membawa sebuah risalah yang mengandung keperluan tamadun. Hal ini telah dibuktikan oleh kemajuan Islam yang dicapai di zaman Rasulullah, kesannya hingga berabad-abad selepas kewafatannya. Kalau risalah yang dibawa Rasulullah itu tersalah atau mempunyai kecacatan, pastilah misi kerasulan Baginda tidak mencapai matlamatnya. Tegas Rasulullah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ مَثَلِي وَمَثَلَ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِي كَمَثَلِ رَجُلٍ بَنَى بَيْتًا فَأَحْسَنَهُ وَأَجْمَلَهُ، إِلَّا مَوْضِعَ لَبْنَةٍ مِنْ زَاوِيَةٍ. فَجَعَلَ النَّاسُ يَطُوفُونَ بِهِ وَيَعْجَبُونَ لَهُ وَيَقُولُونَ: هَلَّا وُضِعَتْ هَذِهِ اللَّبْنَةُ. قَالَ: فَأَنَا اللَّبْنَةُ، وَأَنَا خَاتِمُ النَّبِيِّينَ.

Terjemahan: Sesungguhnya perumpamaan aku dan para nabi sebelumku adalah seperti seorang lelaki yang membina sebuah rumah lalu beliau memperindahkan dan menghiaskannya, kecuali satu sudut terkurang satu bata. Menyebabkan orang ramai datang melihat-lihat rumah itu dan mengkaguminya seraya berkata: Alangkah baiknya kalau seketul bata itu diletakkan di situ. Akulah batu bata terakhir itu dan aku adalah Nabi Penutup.

Kesempurnaan Risalah

Senada dengan sabda Rasulullah itu, al-Qur'an juga menyatakan:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ


Terjemahan: ... Hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kalian...

Surah al-Maidah: 5:3

Ayat ini bagi menjawab pertanyaan para nabi dan golongan pilihan dan soleh di masa lalu yang bertanya kepada Allah SWT: "Bilakah bangunan ini akan siapa dan sempurna?" Maka Allah SWT menjawab: "Ini Aku utuskan seorang nabi yang akan menyempurnakan bangunan ini. Sebagaimana Aku meredhai agama ini untuk kalian, maka agama ini telah Aku bangun di atas asas-asas yang menjadi idaman umat manusia."

Ya! Rasulullah datang untuk menyempurnakan segala kekurangan. Maka bagi sesiapa yang berusaha mencari cacat-cela pada risalah Rasulullah, sebaiknya mereka segera mencari kecacatan di dalam otak dan hati mereka sendiri. Rasulullah telah diutuskan Allah SWT untuk menyempurnakan, memperbaiki, dan berusaha untuk sampai kepada kesempurnaan yang optimum.

Di tangannyalah tanggungjawab untuk meluruskan segala yang bengkok, memperbaiki yang salah, serta menyempurnakan segala kekurangan... Sejarah telah membuktikan bahawa Rasulullah telah berjaya menunaikan semua tanggungjawab ini.





معهد تحفيظ الداعي والدينه
MAAHAD TAHFIZ AD-DAIE WAL DINIAH

Pengambilan PELAJAR BAHARU TAHUN 2024

PENGASAS TAHFIZ MADANI
Al-Fadhil Ustaz Abd Latif
bin Ismail



MUDIR TAHFIZ MADANI
Cikgu Azmi Bin Bahari

MODUL PEMBELAJARAN

- TAHFIZ AL-QURAN
- KAJIAN SIRAH
- MODUL KEPIMPINAN
- TADABBUR AL-QURAN
- KURIKULUM BERSEPADU DINI (KBD)
- SIJIL TAHFIZ MALAYSIA (STM)
- SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)

KEMUDAHAN

- KANTIN
- KELAS
- SURAU
- DEWAN
- PERPUSTAKAAN
- KELAS HYBRID



IMBAS UNTUK MAKLUMAT LANJUT
MENGENAI PENDAFTARAN

"MEMARTABAT AL-QURAN, MENJUNJUNG SIRAH RASULULLAH SAW"

PERTANYAAN LANJUT

- ☎ 013-795 1281 (HOTLINE MADANI)
- ☎ 011-2429 1315 (PENGASAS)
- ☎ 019-474 4343 (MUDIR)

f TAHFIZ MADANI TELUK INTAN PERAK

Perkembangan Tahfiz MADANI



Maahad Tahfiz MADANI adalah satu pusat pembangunan kepimpinan masa hadapan yang memfokuskan kepada penguasaan Al-Quran dan Sirah berteraskan aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. Pendaftaran kini dibuka untuk pengambilan pelajar sesi tahun 2024/25





RIBUT di Tahfiz MADANI

26 Mac 2024 Tahfiz dan dilanda ribut yang menyebabkan kerugian harta sekitar RM 20-30K. Semoga Allah gantikannya dengan kebaikan.



وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا
74. Dan orang-orang yang berkata: "Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyejuk hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa.

7 Tips menghidupkan Ramadhan Bersama Keluarga

Tetamu Agung

- Bagi jiwa-jiwa yang beriman dengan Allah dan pertemuan dengan Nya (Akhirat) akan benar-benar menghargai Ramadhan sebagai tetamu agung.
- Ramadhan datang dengan berbagai janji kebaikan dari Allah SWT sehingga Ramadhan diberikan berbagai nama:
 - Bulan pengampunan
 - Bulan Ruhani
 - Musim/Pesta Ibadah
 - Bulan Keberkatan
 - Madrasah Taqwa
 - Dan sebagainya
- Seharusnya kita dan keluarga ada Misi & Perancangan untuk memanfaatkan hari-hari bahkan menit dan saat yang begitu berharga ini.
- Kami kongsiikan beberapa tips untuk memanfaatkan bulan istimewa ini.





1. Misi & Projek Ramadhan

- Tetapkan misi untuk dicapai
- Senaraikan projek-projek keluarga kita pada bulan Ramadhan
 - Misi tarawih: Dapat melaksanakan tarawih sekurang-kurangnya 8 rakaat tanpa mengabaikan solat sunat yang lebih utama
 - Projek tabung sedekah subuh atau beri makan orang berpuasa
 - Projek Khatam & Tadabbur Al Quran DLL

2. Rumah Ramadhan

- Buat projek hias rumah bertemakan Ramadhan; Pasang lampu hiasan, hiaskan ruang tamu, gunakan pewangi macam kat masjidil haram ['oud] dll
- Pilih tempat atau bilik khusus sebagai mihrab di rumah. Aktiviti tazkirah ramadhan, tarawaih (kalau terlepas peluang tarawih di masjid), tadarus dll dilakukan di situ



3. Jadwal Ramadhan

- Minta setiap anak-anak buat jadual Ramadhan yang paling cantik & kreatif. Bagi hadiah bagi yang paling cantik
- Bincang sama-sama jadual Ramadhan keluarga. Jadi ada jadual peribadi & ada jadual keluarga



Ramadan Planner

Dua of the day:

Reflection:



Prayers

Fajr

Dhuhr

Asr

Maghrib

Ish'a

Meal Plan

Uur:

Iftar:



Check list



4. Istimewanya Waktu Berbuka & Sahur

- Selalu ingatkan & ulangkan keutamaan waktu-waktu ini
- Rancang aktiviti seperti berdoa bersama-sama sebelum berbuka, tahajjud 2 rakaat bersama (ringkas kalau anak-anak masih kecil) sebelum sahur



Keutamaan & Sunnah Waktu Berbuka

1. Waktu untuk berdoa

Rasulullah SAW bersabda, “Tiga orang yang doa mereka tidak terhalang, yaitu imam (pemimpin) yang adil, orang yang berpuasa hingga ia berbuka, dan doa orang yang dizalimi. Doa mereka dibawa ke atas awan dan dibukakan pintu langit untuknya, lalu Allah Azza Wa Jalla berfirman: ‘Demi izzah-Ku, Aku akan menolongmu meski setelah beberapa waktu.’” (HR Ahmad).

2. Segerakan Berbuka

Dari Abu Hurairah, dari Nabi Saw. yang bersabda: Allah SWT berfirman, “Sesungguhnya orang yang paling Aku cintai di antara hamba-hamba-Ku ialah orang yang paling segera berbuka”. (HR. Abu Hurairah)

3. Berbuka dengan kurma dulu terutamanya kurma muda. Kalau tak ada juga boleh dengan buah-buah lain

Anas RA berkata bahawa Rasulullah SAW berbuka dengan ruthab (kurma muda) sebelum shalat. Bila tidak ada maka dengan kurma. Bila tidak ada maka dengan minum air. (HR Abu Daud, Hakim dan Tirmidzi)



Sahur & Waktu Sahur

1. Membezakan puasa kita dan puasa Ahli Kitab
2. Ada keberkatan
Daripada Anas RA, Rasulullah saw bersabda yang bermaksud :“Bersahurlah kamu kerana pada sahur itu ada berkat.” (Hadis riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmizi, Nasai dan Ibn Majah).
3. Jangan lupa kurma semasa sahur
Daripada Abu Hurairah, dari Nabi SAW baginda bersabda: Sebaik-baik makanan ketika seseorang mukmin bersahur adalah tamar (kurma kering).” (Hadis Riwayat Abu Daud, 6/290, no. 1998. Shahih Ibnu Hibban, 8/253, no. 3475) Status: Hadis Sahih
4. Melewatkan sahur
diceritakan oleh Anas bin Malik RA dari Zaid bin Tsabit:“Kami makan sahur bersama Nabi Muhammad SAW lalu kami solat (subuh) berjamaah”,Anas berkata kepada Zaid:“berapa jarak waktu antara azan (subuh) dan sahur?” Zaid menjawab:“sekitar bacaan al-Quran 50 ayat” (HR Bukhari)
5. Banyakkan taubat & doa
Dari Abu Hurairah, Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:“Allah Tabaraka wa Ta’ala turun ke langit dunia pada setiap akhir sepertiga malam lalu berfirman, “Siapa sahaja yang berdoa kepada-Ku, maka Aku tunaikan untuknya. Sesiapa sahaja yang meminta kepada-Ku,Aku berikan kepadanya. Sesiapa sahaja yang memohon ampun kepada-Ku,Aku ampunkannya.” (HR Bukhari No: 1077) Status: Hadis Sahih



5. Ramadhan & Al Quran



- Jadikan al Qu'ran sebagai teman hidup.
- Selalu ingatkan kelebihan Al Qur'an sebagai panduan hidup
- Buat sesi tadabbur atau tengok video tadabbur bersama keluarga dan bincangkan sama-sama
- Setkan target untuk khatam Al Qur'an



Jalan Singkat Untuk Tadabbur Al Qur'an

48

1. Ketika kamu memegang mushaf hendaklah kamu pindahkan hatimu dari negeri dunia menuju negeri Akhirat. Bayangkan yaumul mahsyar & neraka Allah serta semua yang berkaitan dengannya
2. Teguhkan pada jiwamu bahawa kamu sedang berhadapan dengan kalam (kata-kata) Allah. Bayangkan kamu mendengarnya 'segar' dari lidah Rasul sebagaimana para sahabat mendengarkannya
3. Terimalah semua daripada makna-makna Al Qur'an untuk mu
4. Carilah kejelasan maknanya, tadabburinya dan cuba memahami apa yang dimaksudkannya.
5. Renungi, untuk apa Al Qur'an diturunkan. [Mengetahui tujuan Al Qur'an diturunkan]
6. Mengambil bahagian dari setiap ayat Al Qur'an. Ketika bertemu ayat azab, berdoalah mohon perlindungan Allah. Ketika bertemu ayat mengenai syurga, mohonlah syurga dari Allah & seterusnya
7. Jadikan dia sebagai ubat hati mu.

INILAH JALAN YANG SINGKAT, MUDAH & DEKAT KE TEMPAT YANG TINGGI.





Masjid
Cordoba


6. Masjid Di Hati

- Jadikan bulan Ramadhan ini, masjid sentiasa di hati. Sekali sekali boleh rancang berbuka di masjid. Mungkin juga setiap minggu masjid yang berbeza. Jadikannya sebagai satu pengalaman menarik
- Rancang untuk tarawih di masjid.
- Sekali sekali boleh bawa keluarga tadarus di masjid. Mungkin lepas subuh hujung minggu dan sebagainya. Walaupun tak lama... Ingat! Ini adalah projek menjalinkan hati ahli keluarga kita dengan masjid.
- Bandar Madinah dan bandar-bandar besar dalam sejarah Islam 'pusat'nya adalah masjid samada dari sudut perancangan bandar mahupun aktiviti kehidupan. Lihatlah Masjid Nabawi di Madinah, Cordoba di Andalusia, Hagia Sophia di Istanbul dan sebagainya.

7. Tazkirah Ramadhan

- Pastikan setiap hari ada tazkirah Ramadhan untuk ahli keluarga.
- Di sinilah kita ulang-ulangkan keistimewaan Ramadhan, berkongsi pengalaman Ramadhan, tadabbur Al Qur'an, sirah dan sebagainya
- Ambil peluang untuk anak-anak berlatih bercakap.

Tajaan & Sumbangan Maahad Tahfiz Ad Daie Wal Diniah (MADANI)



PELUANG PELABURAN AKHIRAT

Anda ingin memanfaatkan sebahagian harta untuk projek pembinaan ummah?

1. PAKEJ A: TAJAAN PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN- RM 350
 2. PAKEJ B: TAJAAN PEMBELAJARAN PELAJAR – RM 400 (SEBULAN)
 3. PAKEJ C: TAJAAN BIL ELEKTRIK & BIL AIR – RM 200 (SEBULAN)
 4. PAKEJ D: TAJAAN MAKANAN – RM 250 (SEBULAN)
 5. PAKEJ SEIKHLAS HATI – RM 10 atau berapa saja jumlah
- Semoga segala keprihatinan, perhatian dan sumbangan ikhlas tuan/puan ALLAH berkatinya dan membalasnya dengan sebesar-besar ganjaran, diberkati rezeki dan umur dengan keberkatan sedekah jariah ini.

“**VISI**”

Peneraju dalam pembinaan pemimpin berteraskan Al Quran dan Sirah serta membangunkan potensi pelajar sebagai pemimpin ummah di masa hadapan

“**MISI**”

Melestarikan sistem pendidikan yang bersepadu dan komprehensif bagi membangunkan keperibadian dan potensi pelajar.

“**ASPIRASI MADANI**”

Melahirkan Generasi Pemimpin Sohibul Qur'an & Kepimpinan Berasaskan Al Qur'an

“
**Memartabatkan
Al-Quran,
Menjunjung Sirah
Rasulullah SAW**”

